

# Aeroangkasa perlu perkongsian bijak

UM - 2 DEC 1999

Oleh ZUHAIRI ALI

**L**ANGKAWI 1 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu konsep 'perkongsian bijak' digunakan pakai untuk menjalin kerjasama lebih erat antara syarikat Malaysia dan luar negara bagi memajukan lagi industri aeroangkasa dan maritim pada alaf baru.

Menurut Perdana Menteri, konsep itu boleh membantu mewujudkan lebih banyak rangkaian perhubungan dalam situasi yang menguntungkan semua pihak atau 'menang-menang'.

Kata beliau, syarikat-syarikat Malaysia **setakat** ini telah menunjukkan kemajuan yang baik dalam kedua-dua sektor industri itu dengan kini memasuki tahap mereka-bentuk dan mengeluarkan komponen sendiri.

"Untuk itu, syarikat tempatan mesti maju terus ke hadapan menerusi pembabitan rakan dari negara luar yang boleh dilaksanakan menerusi konsep perkongsian bijak," tegasnya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) '99 di Dewan Mahsuri, di sini hari ini.

Turut hadir Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Radawi; Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid; Menteri Pertahanan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Sekretariat LIMA '99, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha; Pengerusi Le Proton, Datuk Radzi Manan dan Pengerusi NW Lima, Tan Sri Abdul Wahab Nawi.

Hampir 900 syarikat dari 42 negara menyertai LIMA edisi kelima ini untuk segmen udara dan maritim bermula semalam hingga 5 Disember ini.

Dr. Mahathir berkata, syarikat asing yang ingin mengetahui perkembangan kedua-dua industri itu di Malaysia atau mencari rakan niaga, boleh mendapatkan maklumat menerusi Majlis Industri Pertahanan Malaysia (MIDC) yang ditubuhkan Ogos lalu.

"Sesuai dengan konsep perkongsian pintar, MIDC boleh digunakan oleh syarikat asing mencari rakan niaga yang sesuai di samping memaksimumkan kemahiran yang ada pada syarikat Malaysia," kata beliau.

## Kemahiran

Perdana Menteri berkata, selaras dengan dasar kerajaan mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC), aktiviti pembangunan berasaskan teknologi maklumat dan automasi wajar **dibangunkan** secara lebih agresif menerusi perkongsian bijak.

Katanya, penekanan yang sama juga patut diberi terhadap aktiviti berteknologi tinggi seperti mereka bentuk dan membina kapal perang.

Menurut beliau, ini seterusnya akan membantu **pertumbuhan** keupayaan tempatan dalam bidang kejuruteraan perkapalan, kejuruteraan marin, komunikasi dan sebagainya.

Dr. Mahathir turut menarik perhatian tentang potensi Asia Pasifik sebagai **pasaran** besar untuk peralatan ketenteraan dan **pengangkutan-**

an laut komersial selepas kegawatan ekonomi berakhir.

**Katanya**, syarikat Malaysia perlu bersedia mengambil kesempatan, namun terdahulu mereka perlu membina kekuatan dan kemampuan daya saing menerusi program peningkatan berterusan sektor perkhidmatan, kualiti dan produktiviti.

"Saya yakin apabila kegawatan ekonomi berakhir, Asia Pasifik akan mencatat permintaan mendaak peralatan ketenteraan, kerja membaik-pulih dan menaik taraf," katanya.

Beliau menambah, satu lagi bidang yang menjanjikan peluang pertumbuhan yang tinggi ialah industri pembinaan kapal dan bot persiaran.

"Kerajaan menggalakkan perkembangan sektor ini kerana semakin ramai rakyat berminat dalam aktiviti pelayaran," kata Dr. Mahathir.

Beliau memberitahu, kemudahan juga semakin banyak dibina seperti marina, pusat peranginan tepi pantai dan tasik bagi mewujudkan permintaan untuk kapal dan bot persiaran.

Selain itu, kerajaan juga memberi perhatian terhadap aktiviti menjelajah tasik ke tasik menggunakan pesawat 'amphibious'.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai banyak tasik yang masih belum diteroka untuk pembangunan industri ini termasuk sektor pelancongan.